

DR DAING NASIR (kiri) melihat perigi di RPS Simpai.

BH (Timur) Jumaat 2/7/09 ms 26

# Wasra penyelesaian bekal air paip kepada Orang Asli

## Projek perintis UMP di RPS Simpai atasi masalah 20 tahun

Oleh Mohd Rafi Mamat

PEKAN: Selepas menanti lebih 20 tahun, masyarakat Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Simpai, di sini bakal menerima kemudahan bekalan air paip untuk kegunaan harian menggunakan Sistem Bekalan Air Luar Bandar (Wasra).

Sistem itu yang diperkenalkan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Pahang (UMP) bukan saja membolehkan masyarakat Orang Asli menikmati kemudahan bekalan air bersih tetapi meningkatkan tahap kesihatan mereka.

Batin RPS Simpai, Marjan Aris, 43, berkata, kira-kira 1,200 penduduk kampung itu kini tidak sabar untuk menikmati bekalan air menggunakan Wasra yang dapat membekalkan air dari dasar bumi.

Beliau berkata, sejak penempatan ini dibuka, penduduk menggunakan sumber air perigi dan kolam yang digali dan dipam ke rumah untuk kegunaan harian seperti mandi, membasuh dan minuman.

Katanya, lokasi rumah mereka yang berada di tanah tinggi selain jarak perigi yang jauh menyebabkan pam berkuasa elektrik itu mudah rosak dan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan setiap tiga bulan bagi membaikinya.

"Selepas UMP memberi jaminan yang mereka akan menyediakan kemudahan air bersih menggunakan sistem Wasra, penduduk begitu gembira dan menganggap ia sebagai hadiah yang amat bermakna," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengiringi Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim yang meninjau sumber air digunakan penduduk di RPS Simpai, di sini, baru-baru ini.

Turut sama ketua projek Wasra, Abdul Syukor Abd Razak dan sembilan pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP yang terbabit dalam projek berkenaan.

Marjan berkata, sebelum ini pihak kerajaan memberi jaminan kemudahan air paip akan disalurkan ke RPS Simpai, bagaimanapun disebabkan beberapa faktor terutama membabitkan kos yang tinggi rancangan berkenaan terpaksa ditangguhkan.

"Sementara itu, Daing Nasir berkata, projek Wasra di RPS Simpai akan menjadi perintis kepada usaha UMP membantu masyarakat terutama Orang Asli di negeri ini.

> "Saya berharap projek yang disahakan UMP ini akan menjadi kenyataan dalam tempoh terdekat kerana penduduk RPS Simpai tidak sanggup terus menerus berhadapan dengan masalah bekalan air"
>
> **Marjan Aris**
> Batin RPS Simpai

Beliau berkata, UMP akan berusaha mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan bagi menampung kos yang dijangka meningkat berkali ganda terutama membabitkan penyediaan paip untuk menyalurkan air ke rumah.

"Kos menyediakan Wasra hanya menelan belanja kira-kira RM300,000 yang membabitkan kemudahan seunit pam, tangki air, sistem penapis dan rumah," katanya sambil berharap masalah penduduk terpaksa menggunakan air perigi di ladang kelapa sawit akan berakhir.

Daing Nasir berkata, ujian mendapati air perigi di ladang kelapa sawit tercemar dengan bahan kimia yang terhasil daripada baja dan racun rumpai.

"Air berkenaan sebenarnya tidak sesuai diminum kerana mengandungi bahan kimia yang boleh menjejaskan kesihatan penduduk pada jangka panjang," katanya.